

TATAKELAKUAN

- Ingat bahawa anda adalah suri teladan pada SETIAP masa, di dalam dan di luar Pengakap. Anda menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh orang lain.
- Melayan semua orang dengan berbudi bahasa dan hormat selaras dengan Nilai Pengakap.
- Bersikap adil kepada semua orang muda - jangan pilih kasih.
- Menjaga jumlah nisbah orang dewasa dengan muda pada setiap masa.
- Ingatlah bahawa anda telah dipertanggungjawabkan dengan kedudukan amanah - jangan menyalahgunakannya.
- Segera laporkan semua syak wasangka, kebimbangan, dan tuduhan.
- Ingat bahawa seseorang mungkin boleh salah menafsirkan tindakan anda.
- Hormati hak orang muda untuk menjaga kepentingan peribadi mereka.
- Bertindak dalam sempadan yang sesuai, walaupun dalam keadaan sukar
- Jadikan semua orang (orang muda, ibu bapa dan penjaga, Pemimpin Muda dan pembantu lain) menyedari kewujudan peraturan perlindungan kanak-kanak, muda dan remaja dan berkongsi Kad Hijau (Kod Tingkah Laku) dengan mereka.
- Menyediakan penginapan tidur yang berasingan untuk golongan muda, orang dewasa dan Pemimpin Muda yang bekerja dengan kumpulan yang lebih muda

- Menggalakkan budaya keterbukaan dan telus, di mana orang ramai boleh menegur sikap atau tingkah laku yang tidak sesuai
- Memastikan persekitaran di mana orang muda berasa selamat untuk menyuarakan kebimbangan mereka
- Rancang aktiviti yang melibatkan lebih daripada seorang pemimpin yang hadir, atau sekurang-kurangnya aktiviti itu dalam pandangan dan pendengaran orang lain. Seorang pemimpin dilarang bersendirian dengan orang muda.
- Jangan minum alkohol apabila anda bertanggungjawab secara langsung kepada golongan muda dan jangan sekali-kali membenarkan orang muda dalam aktiviti Pengakap minum alkohol
- Jangan meremeh penyalahgunaan kuasa atau membiarkan ia tidak dilaporkan
- Jangan sertai gejala hubungan fizikal intim dengan orang muda
- Jangan melintas batasan antara diri anda dan orang muda dengan melibatkan diri dalam persahabatan intim atau hubungan seksual
- Jangan benar aktiviti yang berunsurkan buli berlaku.
- Jangan gunakan bahasa yang tidak sesuai, tidak senonoh atau mengancam, sama ada secara lisan, bertulis atau dalam talian
- Jangan bersandarkan reputasi atau jawatan untuk penyalahgunaan kuasa.



KAD HIJAU

KANAK-KANAK, MUDA DAN REMAJA DIDAHULUI

PELINDUNGAN BELIA (PKK, PM, PR & PK) KOD AMALAN

Kad ini mempunyai maklumat penting untuk semua orang dewasa dalam Pengakap. Sila simpan bersama anda setiap masa.

TINDAKAN SAYA APABILA SAYA MENERIMA ADUAN

Jika orang muda memberitahu anda bahawa mereka didera, anda mesti:

1. Mendengar dan membenarkan mereka bercakap tanpa gangguan, dan terima apa yang mereka ceritakan.

2. Cuba memahami dan meyakinkan pengadu - Jangan selitkan pendapat atau pandangan anda.

3. Beritahu mereka bahawa anda akan cuba membantu tetapi mesti melaporkan maklumat mengenai aduan itu kepada pihak atasan.

4. Sila ambil nota yang teliti mengenai aduan orang muda itu.

5. Beritahu Pemimpin Pengakap Kumpulan atau Pesuruhjaya Daerah anda dengan segera

6. Pastikan masa dan tarikh serta nama penuh mereka yang terlibat dicatatkan

7. Tandatangan dan hantar laporan anda kepada Pemimpin Pengakap Kumpulan atau Pesuruhjaya Daerah anda.

8. Pastikan Pengakap lain tidak mendatangkan kemudaratan lagi kepada kebajikan pengadu. Sekiranya anda was-was atau terdapat kebimbangan, terhadap aduan kebajikan berkaitan orang muda atau dakwaan mengenai orang dewasa atau diri anda, di dalam atau di luar Pengakap, anda harus:

1. Beritahu Pemimpin Pengakap Kumpulan atau Pesuruhjaya Daerah anda dengan segera,
2. Tulis nota yang teliti tentang apa yang anda saksikan, dengar atau diberitahu.
3. Catat dan sertakan masa dan tarikh serta nama penuh mereka yang terlibat
4. Laporkan kepada Pemimpin Pengakap Kumpulan atau Pesuruhjaya Daerah
5. Pastikan kebajikan Pengakap itu dijaga dan tidak timbul risiko lain terhadapnya.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk melaporkan SEMUA kejadian dan kes penderaan atau yang melibatkan kes Selamat Dari Bahaya dengan segera, mengikut proses yang betul!

Anda mesti merujuk sebarang kebimbangan atau aduan kepada Pemimpin Pengakap Kumpulan atau Pesuruhjaya Daerah anda dengan segera.

**JANGAN MEMBUAT
SIASATAN SENDIRI**

Adalah dasar Pengakap untuk melindungi kebajikan semua anak muda dengan melindungi mereka dari pengabaian, gangguan dan deraan fizikal, seksual, emosi serta kecederaan fizikal.

Semua ahli Pengakap wajib untuk melaporkan kebimbangan atau syak wasangka, dan berhak untuk berbuat demikian dengan yakin dan bebas daripada gangguan.

Sekiranya orang pengakap kanak-kanak, muda atau remaja telah diancam atau berada dalam keadaan berisiko tinggi, hubungi 999 dan laporkan kepada Pihak Polis.

Dengan Segera maklumkan kepada Pemimpin Pengakap kumpulan dan Pesuruhjaya Daerah anda.

JIKA ANDA RAGU-RAGU TENTANG APA YANG PERLU DILAKUKAN, HUBUNGI:

Ibu Pejabat PPM - termasuk pemberitahuan insiden, insiden kritikal siapa yang bertugas dan melaporkan kepada Pegawai Meja yang bertugas

di talian: +603-2022 1029

+603-2072 0152

di E-mel: pengakap@scouts.my